

Program vaksinasi jadi parameter Pelan Pemulihan Negara

SHAH ALAM – Kejayaan program pemberian vaksin Covid-19 akan menjadi kayu pengukur bagi merealisasikan parameter yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Selasa.

Pakar Mikrobiologi Klinikal daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Zam beri Sekawi berkata, jika kerajaan gagal untuk memastikan pelaksanaan pemberian vaksin seperti yang dirancang, ia akan

merosakkan pelan yang telah digariskan itu.

Menurutnya, beliau percaya kerajaan telah mengambil kira segala aspek dan yakin ia mampu dilaksanakan, namun kejayaan pelan tersebut masih tetap bergantung kepada situasi semasa.

“Jalan keluar untuk pandemik ini adalah vaksin seperti yang kita maklum berlaku di banyak negara apabila lebih ramai rakyat mereka yang telah divaksin, lebih banyak kes akan turun.

“Cabarannya kepada kerajaan kini adalah memastikan strategi pemberian vaksin mencapai peratusan yang disasarkan.

“Jadi, kerajaan perlu bagi tumpuan lebih terutamanya dari segi logistik kerana bukan mudah untuk beri suntikan yang mencecah hingga setengah juta orang sehari.

“Di luar negara kita lihat

mereka turut libatkan doktor swasta dan farma nisi namun kita masih lagi belum meluas,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Jelas beliau, pelan berkenaan tidak begitu diperincikan mengenai kerana mengambil kira pandemik ini yang bersifat dinamik.

Justeru, pelan berkenaan dirangka dan segala strategi



ZAM BERI

perlaksanaannya bergantung kepada keadaan semasa.

“Bagi saya, pengumuman pelan ini tidak terlalu terlambat meskipun lebih baik jika diumumkan awal. Namun dengan perubahan dinamik yang berlaku, seperti kes yang semakin meningkat dan masalah bekalan vaksin.

“Perkara tersebut mungkin menyukarkan perancangan namun berdasarkan perkembangan semasa maklumat bekalan vaksin ia akan lebih mudah dirancang,” katanya.

PELAN PEMULIHAN NEGARA

PERALIHAN PKP SECARA BERPERINGKAT MERANGKUMI 4 FASA

BERDASARKAN 3 INDIKATOR UTAMA

KEADAAN PENULARAN COVID-19 DALAM KOMUNITI
berdasarkan bilangan kes jangkitan harian

KEUPAYAAN SISTEM KESIHATAN AWAM
berdasarkan kadar penggunaan katil di wad ICU

TAHAP POPULASI YANG DILINDUNGI
berdasarkan peratusan lengkap terima 2 dos vaksin

1

JUN 2021

Pelaksanaan PKP menyeluruh kerikita ini dalam keadaan :

- Jumlah kes COVID-19 adalah tinggi
- Sistem kesihatan awam di tahap kritis
- Kadar pencapaian vaksinasi yang masih rendah

Peralihan fasa akan dipertimbangkan setelah :

- Purata kes harian COVID-19 <4,000 kes
- Sistem kesihatan awam tidak lagi di peringkat kritis (termasuk kadar penggunaan katil di ICU pulih ke paras sederhana)
- 10% populasi telah terima 2 dos suntikan vaksin



2

DIJANGKA JULAI - OGOS 2021

Aktiviti sosial & kawalan pergerakan terus dikawal ketat

SERMENTI
PEMERIKSAAN
POLIS

Sektor ekonomi:

- Akan dibuka berperingkat, kapasiti pekerja sehingga 80% di premis
- Aktiviti tidak tersentral beroperasi masih ditutup (antaranya pembuatan tekstil & kedai perabot)
- Hanya aktiviti tersentral dibenarkan beroperasi & akan diperluaskan termasuk :
 - Pembuatan simen
 - Penuncitan (barang elektronik & komputer)

3

DIJANGKA SEPTEMBER - OKTOBER 2021

Peralihan ke fasa ini sekiranya :

- Purata kes harian COVID-19 <2,000
- Sistem kesihatan awam di paras selesa
- 40% populasi telah terima 2 dos vaksin




- Senarai sektor ekonomi dibenarkan kapasiti 80% dengan SOP ketat
- Sektor berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Pub, spa & salon kecantikan) TIDAK DIBENARKAN
- Kelonggaran dipertimbangkan sekiranya pekerja tetap divaksinasi
- Aktiviti sosial termasuk pendidikan & sukan tertentu dibuka berperingkat
- Sidang Parlimen boleh diadakan

4

DIJANGKA AKHIR OKTOBER - DISEMBER 2021

Peralihan ke fasa ini sekiranya :

- Purata kes harian COVID-19 <500 kes
- Sistem kesihatan awam di paras selamat
- 60% populasi negara telah terima 2 dos vaksin (mengecualui imuniti kelompok)



- Senarai sektor ekonomi dibuka
- Lebih banyak aktiviti sosial dibenarkan
- Pelancongan domestik dibuka dengan SOP ketat
- Boleh merentas negeri

SOP: Prosedur operasi standard. ICU: Unit Rawatan Rapi
PKP: Perintah Kawalan Pergerakan